

Budak empat tahun dipercayai dipukul, dicucuh pemetik api

Tindakan kejam pasangan suami isteri terhadap anak angkat kerana enggan makan nasi

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor

bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dipukul menggunakan penyangkut baju, kayu penyapu selain dicucuh pemetik api.

Itu tindakan kejam pasangan suami isteri yang mencederakan anak angkat mereka berusia empat tahun hanya kerana enggan makan nasi.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Mohd Zaid Hassan, berkata pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu daripada seorang lelaki pada jam 12.40 tengah malam kelmarin.

“Kejadian dipercayai berlaku pada 18 Julai lalu di sebuah rumah di Taman Perumahan di Beranang. Mangsa adalah anak angkat kepada pasangan suami isteri berkenaan dicerderakan atau di-

dera oleh mereka.

“Siasatan awal mendapati, kejadian disebabkan mangsa tidak suka makan nasi dan suspek memaksa mangsa menelan nasi sehingga termuntah serta kanak-kanak itu dikatakan hyper aktif,” katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd Zaid berkata, mangsa adalah kanak-kanak perempuan dan anak kepada warga Indonesia.

“Kelahiran mangsa tidak pernah didaftarkan dan tiada apa-apa dokumen pengenalan diri.

Ibu kandung tak mampu jaga

“Mangsa diserahkan kepada suspek untuk dijaga sejak April lalu kerana ibu kandungnya tidak mampu menjaganya. Mangsa dibawa ke Hospital Kajang untuk rawatan dan doktor mengesah-

kan mangsa mengalami kecederaan di beberapa bahagian badan,” katanya.

Beliau berkata, susulan laporan polis yang dibuat pasangan suami isteri berusia 28 tahun dan 30-an itu ditahan semalam.

“Kedua-dua suspek direman tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak kanak 2001.

“Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu boleh menghubungi balai polis berhampiran atau menghubungi pegawai penyiasat kes, Inspektor K Suresh di talian 017-433 3795,” katanya.

Terdahulu, tular video berdurasi 27 saat memaparkan seorang wanita memukul kanak-kanak menggunakan kayu penyapu. Mangsa juga didapati mengalami lebam di bahagian badan.

“Siasatan awal mendapati, kejadian disebabkan mangsa tidak suka makan nasi dan suspek memaksa mangsa menelan nasi sehingga termuntah serta kanak-kanak itu dikatakan hyper aktif”



Mohd Zaid Hassan,
Ketua Polis Daerah Kajang